



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
**Mesra, Cepat & Tepat**

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)



pjkita



smartpj

BIL. 8/2019

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

**PERCUMA**



Berita Penuh MS. 6 & 7

## MENGIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN **HARI KEBANGSAAN 2019**



### ➤ MBPJ TERIMA GOLD CLASS 2 AWARDS

Penerimaan anugerah ini merupakan penghargaan kepada MBPJ yang menjadi sektor awam dan badan berkanun pertama yang melaksanakan occupational, safety, health and environment

Berita Penuh MS. 4



### ➤ PELANTIKAN AHLI MAJLIS BARU ZON 6

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengumumkan pelantikan Puan Sakinah Bibi Nagoor sebagai Ahli Majlis Zon 6 yang baharu bagi sesi 2018-2020.

Berita Penuh MS. 5

## Sidang Redaksi

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcitycouncil

PENAUNG  
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT  
Johary Bin Anuar  
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG  
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN  
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar  
Muhammed Azmi Bin Yusoff  
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN  
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan  
Mohammad Shah Bin Badlishah

JURU GAMBAR  
Rusdi Bin Mohammed Halik  
Intan Khairana Binti Md. Zali  
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK  
Shamsul Bahrin Bin Abdul Mutalib  
Badrul Hisham Bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA  
Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Tel: 03-7956 3544 samb. 203/ 205 / 206  
Fax: 03-7958 2695 media@mbpj.gov.my



# LOW CARBON BUILDING ASSESSMENT: MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA TERIMA PERSIJILAN DIAMOND



PETALING JAYA

MUHAMMED AZMI YUSOFF

azmiyuosoff@mbpj.gov.my

**SEKSYEN 52, 8 OGOS** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima persijilan '2 Diamond' bagi program perintis 'Low Carbon Building Assessment' secara sukarela oleh Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia. Persijilan ini adalah berdasarkan kejayaan MBPJ mengurangkan penggunaan tenaga dan karbon sebanyak 20.8% iaitu 390,803 kWh/year (271.22 ton CO<sub>2</sub>/year) berbanding baseline 2012.

Penilaian persijilan Low Carbon Building GreenPASS oleh SEDA Malaysia ini adalah berdasarkan rating pengurangan tenaga dan karbon mengikut Construction Industry Standard (CIS) 20:2012 CIDB dan kaedah Common Carbon Metric (CCM) for Buildings. Penilaian GreenPASS hanya menilai output yang dicapai terhadap peratusan pengurangan tenaga/karbon. Lebih tinggi peratusan pengurangan tenaga/karbon, maka lebih tinggi rating dapat dicapai.

Memandangkan penilaian adalah berdasarkan peratusan pengurangan tenaga/karbon, maka untuk menambah baik rating Diamond, MBPJ perlu berusaha secara

konsisten mengurangkan penggunaan tenaga dengan cara seperti mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Tenaga bagi tujuan pemantauan dan pelaporan berkala. Manakala, pengauditan tenaga untuk mengenalpasti potensi pengurangan tenaga yang munasabah juga perlu dilaksanakan bagi bangunan kepunyaan Majlis serta memberi latihan kesedaran dan pengurusan tenaga kepada semua kakitangan untuk menjayakan pengurangan emisi karbon.

Untuk makluman, bangunan-bangunan di Petaling Jaya mengeluarkan karbon melebihi 60% dan Majlis perlu berusaha bagi merealisasikan Program Rendah Karbon PJ dalam menurunkan pengeluaran karbon sebanyak 2% setahun dan mencapai target 30% penurunan menjelang 2030, termasuk menguruskan kecekapan tenaga yang lebih efektif pada bangunan.

Maka, bagi menjayakan objektif tersebut, Majlis berhasrat untuk menjalinkan kerjasama atau "smart partnership" bersama SEDA Malaysia bagi pelaksanaan Program Cekap Tenaga Petaling Jaya.



PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF

azmiyusoff@mbpj.gov.my

## PELANTIKAN AHLI MAJLIS BAHARU ZON 6

**S**EKSYEN 52, 26 OGOS - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengumumkan pelantikan Puan Sakinah Bibi Nagoor sebagai Ahli Majlis Zon 6 yang baharu bagi sesi 2018-2020.

Majlis mengangkat sumpah dan lafaz ikrar telah diadakan di hadapan Datuk Bandar MBPJ, Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar di Tingkat 1, Dewan Bunga Tanjung, Ibu Pejabat MBPJ.

Peranan Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan adalah menggalas tanggungjawab sebagai penggubal dasar-dasar Majlis selari dengan dasar kerajaan negeri di samping mengerakkan masyarakat untuk melibatkan diri secara langsung dalam program-program yang dianjurkan serta sebagai perantaraan antara MBPJ dan warga Petaling Jaya.

Komposisi Ahli Majlis yang berintegriti diharapkan dapat bekerja keras dan menjalin hubungan yang lebih akrab dengan masyarakat dikawasan zon pentadbirannya tanpa mengira kaum bagi membantu Petaling Jaya mencapai sasarannya serta mengalakkan masyarakat untuk turut sama ke arah merealisasikan hasrat MBPJ sebagai sebuah bandar raya Peneraju, Dinamik dan Lestari.



## MENJAGA KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

**K**ebersihan bukan sahaja terhad kepada persekitaran, bahkan turut melibatkan kebersihan dan penjagaan kemudahan awam seperti tandas. Tandas memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari kita yang mana tahap kebersihan tandas itu mampu mempengaruhi kesihatan psikologi dan emosi.

Lantaran itu, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah mengisyiharkan pada 19 November setiap tahun sebagai Hari Tandas Sedunia yang bertujuan untuk memberi kesedaran global dan penekanan mengenai masalah yang dihadapi 2.5 bilion penduduk diseluruh dunia yang hidup tanpa kemudahan sanitasi asas yang sempurna akibat dari pengurusan sanitasi yang tidak sempurna.

Dalam usaha memelihara kebersihan tandas awam, aspek budaya pengguna merupakan faktor paling rumit untuk diubah dan ditangani. Ini kerana ianya melibatkan perubahan "mind set" dan sikap orang ramai. Sebahagian besar daripada masyarakat kita, di lihat masih lagi bersikap sambil lewa dengan memberi alasan bukan menjadi kerja mahupun tanggungjawab mereka untuk menjaga kebersihan tandas awam. Lebih parah, ada segelintir beranggapan akan ada pihak berkuasa lain yang akan menjaga, mencuci dan menyelenggara tandas.

Pada keseluruhannya tandas awam kita masih memerlukan naik taraf supaya ianya sesuai dan selamat digunakan. Sinki yang bocor, mangkuk tandas yang pecah, pintu tandas yang tidak boleh dikunci adalah antara mimpi ngeri tandas awam di negara ini yang perlu diberi perhatian.

Keadaan dan situasi ini juga selari dengan teguran Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad sewaktu merasmikan Pendidikan Sivik Peringkat Kebangsaan di Putrajaya baru-baru ini. Antara lain kata-kata beliau ialah, beliau berasa amat

malu terhadap golongan yang kurang mengambil berat tentang nilai-nilai sivik di negara ini. Ujarnya lagi, pemeriksaan mengejut di tandas awam yang dilakukannya sendiri mendapat masih wujud tindakan sesetengah individu atau masyarakat yang menjadi punca kepada ketidakselesaan masyarakat setempat terutama dalam isu tandas kotor dan vandalism.

"Kita selalu suarakan perasaan tidak senang kalau ada tandas awam dalam keadaan tidak baik sama sekali. Kalau pergi negara tertentu tandas mereka amat bersih kerana penggunanya tidak mengotorkan tandas itu kerana berasa bertanggungjawab menghargai pandangan masyarakat terhadap dirinya jadi dia tidak lakukan sesuatu mengotorkan. Tandas-tandas di Malaysia, saya amat malu kerana seringkali buat pemeriksaan tandas di Malaysia biasanya tidak bersih dan busuk. Itu mencerminkan sifat ada pada kita sepatutnya kita berasa malu tapi kita berpendapat yang tidak ada orang tahu siapa disebabkan tiada tanggungjawab sivik dalam hati kita" ujarnya lagi.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat komited dalam melaksanakan pembersihan dan menjaga kebersihan di tempat awam. Tandas awam di bawah seliaan Majlis dan di bawah seliaan pihak swasta serta agensi luar akan dibuat pemeriksaan penarafan bintang bagi memantau tahap kebersihan. Mana-mana tandas awam di bawah seliaan Majlis akan dipastikan ianya berada dalam keadaan bersih. Segala jadual pembersihan dan penjagaan tandas akan dipantau oleh pengawas yang dilantik. Ini bagi memastikan segala kemudahan awam di bawah seliaan Majlis untuk kegunaan orang ramai akan dipastikan senantiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan bersih.



## OPERASI GERAK GEMPUR PEMUSNAH TEMPAT PEMBIAKAN (PTP) DI PJS 10 (DUN SERI SETIA)

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

Satu operasi gerak gempur Pemusnahan Tempat Pembiaikan (PTP) di PJS 10 telah dilakukan pada 3 Ogos 2019 yang lalu. Operasi ini telah dilakukan di kawasan hotspot kes denggi di PJS 10 iaitu lokaliti TERES B, TERES D dan TERES E. Operasi ini telah melibatkan 24 pasukan (180 orang) dari Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Jabatan Landskap serta Jabatan Penguatkuasa. Operasi ini mensasarkan peningkatan peratusan bilangan rumah di periksa, menghapuskan tempat berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk aedes dan meningkatkan kesedaran kepada penduduk mengenai bahaya demam denggi.

Berdasarkan pemeriksaan dilakukan, jumlah pembiakan yang dijumpai adalah sejumlah 57, yang mana berlaku pembiakan di dalam rumah sejumlah 30 dan selebihnya di luar rumah 27 pembiakan. Hasil operasi adalah seperti berikut:

BIL PREMIS DIPERIKSA		PERATUS	
SASARAN	1271		
1. RUMAH DIPERIKSA	566	44%	
2. RUMAH TUTUP	578	45%	
3. RUMAH KOSONG	48	4%	
4. RUMAH ENGGAN	79	7%	

Selain itu, hasil pengecaman 45 sampel larvae yang telah diambil, mendapati sebanyak 24 sampel adalah larvae aedes aegypti, 6 larvae aedes albopictus, 6 larvae culex dan 9 sampel rosak. 19 pembiakan yang positif larvae aedes aegypti di dalam rumah manakala 5 pembiakan positif larvae aedes aegypti di luar rumah (kawasan awam). Ini menunjukkan tempat pembiakan aedes aegypti lebih banyak di dalam rumah.

Dengan adanya kerjasama operasi daripada jabatan-jabatan lain, peningkatan peratus pemeriksaan di dalam rumah meningkat sebanyak 20% berbanding operasi yang telah diadakan sebelum ini. Majlis akan melakukan secara berkala operasi seperti ini bagi meningkatkan peratus pemeriksaan di dalam rumah. Ini kerana pembiakan yang positif larvae aedes aegypti banyak didapati di dalam rumah berbanding di luar kawasan rumah.



**KAWASAN WABAK DENGGI**

# MAUT

Bersama-sama Dengan MBPJ Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran  
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939

**JAGALAH KEBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN ANDA**

**KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA**

Musnahkan Tempat-tempat Pembiakan

## Nyamuk Aedes

## KESIHATAN DAN KEBERSIHAN DI PETALING JAYA : KES DENGGI DI PETALING JAYA

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF  
azmiyusoff@mbpj.gov.my

### BILANGAN HOTSPOT ME 32 (10/8/2019)

1. BL PJU 10 APT HARMONI 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)
2. BL PJU 10 APT LESTARI
3. BL PJU 10 APT PERMAI
4. BL PJU 10 APT RAMPAI IDAMAN
5. BL PJU 10 APT SAUJANA 2 (BLOK P,Q,G,H,J,K,N,O)
6. BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 3 (BLOK G, H)
7. BL PJU 9 SD 13 APT SRI MERANTI 1: BLOK A - G
8. BL PJU 9 SD 8
9. BU PJU 6 BU 11: KUATERS GURU
10. BU PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (A, B, C)
11. BU PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (D, E, F)
12. BU PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (G,H,I,J,K)
13. DU PJU 1(1): KG CEMPAKA
14. DU SS 2(1)
15. DU SS 2(4)
16. KD PJU 1A APT SRI ARA
17. KD PJU 1A D'AMAN RIA KONDO
18. KD PJU 1A PPRT B : BLOK D,E,F
19. KD PJU 1A PPRT C : BLOK G, H
20. KD PJU 3 RIANA GREEN KONDO
21. KD PJU 5 SEKSYEN 11 APT TANIA
22. KD PJU 5 SEKSYEN 4 GUGUSAN MATAHARI
23. KD PJU 5 SEKSYEN 4 GUGUSAN MELOR
24. KD PJU 5 SEKSYEN 4 GUGUSAN SEMARAK
25. KD PJU 5 SEKSYEN 5 SEPAH PUTERI (JALAN 5/20 - 5/27)
26. KD PJU 5 SEKSYEN 5 SEPAH PUTERI (JLN 5/1-5/19)
27. KD PJU 5 SEKSYEN 6 GUGUSAN CEMPAKA
28. KD PJU 5 SEKSYEN 7 APT MILIA
29. KT SEKSYEN 21 TERES C : JLN 21/14, 16, 18, 20, 21, 23, 25,
30. KT SS 1 TERES B
31. KT SS 3 TERES A
32. SRI PJS 10 ( TERES B : JLN PJS 10/2, 10/4, 10/7A - B,10/14,
33. SRI PJS 10 ( TERES E : JLN PJS 10/24, 10/24A, 10/26, 10/28, 10/30, 10/34 )
34. SRI PJS 10 RIDZUAN KONDO
35. SRI PJS 10 SURIA MAS KONDO
36. SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 1 : BLOK 1, 2, 3
37. SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 2 : BLOK 4, 5 , 6
38. SRI PJS 8 MENTARI BUSINESS PARK
39. SRI PJS 8 MENTARI COURT
40. SRI SS 8 APT KELANA IMPIAN

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 33 adalah sejumlah 5221 kes demam denggi yang telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 255 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 2046 kes. Walaubagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang terendah berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling.

Tiada kes kematian dilaporkan. Lokaliti wabak hotspot yang aktif dilaporkan sehingga minggu epid 33 (17/8/2019) di kawasan pentadbiran Majlis adalah sebanyak 35 lokaliti, manakala hotspot terkini dilaporkan pada minggu epid 32 (10/8/2019) sebanyak 40 lokaliti wabak yang dilaporkan.

### BILANGAN HOTSPOT ME 33 (17/8/2019)

1. BG SEKSYEN 17 TERES F
2. BL PJU 10 APT HARMONI 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)
3. BL PJU 10 APT LESTARI
4. BL PJU 10 APT PERMAI
5. BL PJU 10 APT SAUJANA 1 (BLOK A,B,C,D,E,F,L,M)
6. BL PJU 10 APT SAUJANA 2 (BLOK P,Q,G,H,J,K,N,O)
7. BL PJU 8 APT FLORA DAMANSARA 3 (BLOK G, H)
8. BL PJU 9 SD 13 APT SRI MERANTI 1: BLOK A - G
9. BL PJU 9 SD 8
10. BU PJU 6 BU 11: KUATERS GURU
11. BU PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (A, B, C)
12. BU PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (D, E, F)
13. BU PJU 6 FLAT PELANGI DAMANSARA (G,H,I,J,K)
14. DU PJU 1(1): KG CEMPAKA
15. DU SS 2(4)
16. DU SS 2 (CASA DAMANSARA)
17. KD PJU 1A APT SRI ARA
18. KD PJU 1A PPRT A : BLOK A,B,C
19. KD PJU 1A PPRT B : BLOK D,E,F
20. KD PJU 1A PPRT C : BLOK G, H
21. KD PJU 1A PPRT LEMBAH SUBANG 2 (BLOK A - F)
22. KD PJU 3 RIANA GREEN KONDO
23. KD PJU 5 SEKSYEN 11 APT TANIA
24. KD PJU 5 SEKSYEN 4 GUGUSAN MELOR
25. KD PJU 5 SEKSYEN 5 SEPAH PUTERI (JLN 5/1-5/19)
26. KD PJU 5 SEKSYEN 6 GUGUSAN CEMPAKA
27. KD PJU 5 SEKSYEN 7 APT MILIA
28. KT SEKSYEN 21 TERES C : JLN 21/14, 16, 18, 20, 21, 23,
29. SRI PJS 10 ( TERES E : JLN PJS 10/24, 10/24A, 10/26, 10/28, 10/30, 10/34 )
30. SRI PJS 10 SURIA MAS KONDO
31. SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 1: BLOK 1, 2, 3
32. SRI PJS 6 FLAT DESA MENTARI 2 : BLOK 4, 5 , 6
33. SRI PJS 8 MENTARI COURT
34. SRI SS 7 TERES I : JLN SS 7/6,7, 8, 9, 12, 14, 16, 18

## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DAN PELANCARAN KEMENPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2019



PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR  
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

**S**HAHALAM, 19 OGOS - MBPJ telah dipilih sebagai hos perhimpunan bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor dan Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor tahun 2019.

Majlis perhimpunan tersebut telah diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz Shah Alam, selangor. Majlis itu turut dihadiri oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Tuan Amirudin Shari, Speaker Dewan Negeri Selangor YB Tuan Ng Suee Lim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor YB Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Ybhg Latheefa Koya, Exco-exco kehormat, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan kakitangan penjawat awam yang mewakili jabatan dan agensi di negeri Selangor.

Program perhimpunan itu dimulakan dengan acara pemeriksaan kawalan kehormatan, bacaan ikrar rukun negara, lagu negeri selangor, nyanyian lagu negaraku, nyanyian lagu perhidmatan awam, tayangan multimedia Petaling Jaya Smart City dan ucapan amanat Menteri Besar Selangor, Tuan Amirudin Shari.

Majlis ini diteruskan dengan bacaan ikrar bebas rasuah yang diketuai oleh YAB Tuan Amirudin Shari disusuli dengan acara menandatangani ikrar bebas rasuah. Dalam pada itu, YAB Tuan Amirudin Shari turut melancarkan kempen Kibar jalur gemilang 2019.



# KEMPEN MENGIBAR JALUR GEMILANG SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2019



Datuk Bandar, Dato' Mohd Sayuthi Bakar, bergambar bersama-sama YB Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor.

PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR  
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

Tanggal 31 Ogos pada setiap tahun merupakan tarikh keramat bagi seluruh rakyat di negara ini. Pada tarikh tersebut merupakan hari yang sangat bermakna buat seluruh rakyat Malaysia kerana pada tarikh itu seluruh rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan.

Hari kemerdekaan ini disambut secara besar-besaran sama ada di peringkat kebangsaan ataupun negeri. Perasaan betapa tingginya nilai dan erti kemerdekaan dalam kalangan mereka yang pernah berjuang untuk mencapai kemerdekaan tidak mampu diterjemahkan melalui penulisan ataupun kata-kata.

Hanya mereka yang terlibat secara langsung dalam proses kemerdekaan ini dapat merasai perasaan yang sebenarnya betapa tingginya nilai sebuah kemerdekaan yang dikecapi selama 62 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh rakyat Malaysia pada hari ini untuk mempertahankan negara tercinta daripada dijajah kali kedua sama ada penjajah fizikal, minda ataupun sosial.

Penjajahan fizikal mungkin sukar untuk berlaku, namun penjajahan minda dan sosial tidak mustahil sekiranya tiada sebarang langkah proaktif yang diambil oleh rakyat di negara ini. Generasi muda terutamanya perlu dan sentiasa menjadi benteng paling utuh buat negara dalam memelihara kemerdekaan ini kerana ia bukan sesuatu perkara yang murah dan mudah untuk diperoleh dan dicapai.

Dewasa ini, media sosial seringkali dijadikan medium utama oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai agenda-agenda tertentu untuk menyebarkan berita palsu atau persepsi negatif terhadap sesebuah negara sama ada yang melibat seseorang individu ataupun negara tersebut.

Permainan persepsi dan berita palsu ini merupakan bentuk penjajahan masa kini yang berjaya mencapai matlamatnya. Banyak negara di dunia ini hancur dan menghadapi pelbagai kekacauan dek peranan media sosial yang melalui dunia tanpa sempadan ini.

Rakyat di negara ini khususnya golongan muda perlulah berhati-hati agar tidak mudah terpengaruh dengan informasi yang diperoleh daripada media sosial sama ada yang berkaitan dengan politik, sosial, ekonomi dan sebagainya.

Bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, pada 19 Ogos 2019 yang lalu telah diadakan majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor semasa Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor yang dihoskan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya bertempat di Dewan Jubli Perak, Sultan Abdul Aziz Shah Alam.

Selari dengan semangat cintakan negara, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah memaklumkan kepada semua agensi/syarikat/premis perniagaan yang dimiliki oleh swasta untuk bersama-sama turut meraikan sambutan Bulan Kemerdekaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang di semua premis dan meletakkan Jalur Gemilang di

kenderaan rasmi kerajaan sepanjang tempoh Bulan Kemerdekaan bermula 3 Ogos hingga 16 September 2019. Semua premis kerajaan/swasta/persendirian juga dimohon untuk menjaga kebersihan dan kecerian bangunan serta mengindahkan persekitaran dengan pemasangan lampu pada waktu malam. Pengibaran Jalur Gemilang ini adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme dan rasa cinta tanpa berbelah bahagi kepada negara.



PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR  
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

## MBPJ TERIMA GOLD CLASS 2 AWARD

**D**AMANSARA UTAMA, 1 OGOS – Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Gold Class 2 Award sempena MSOSH OSH Award 2018 yang telah diadakan di Hotel One World, Petaling Jaya.

Penerimaan anugerah ini merupakan penghargaan kepada MBPJ yang menjadi sektor awam dan badan berkanun pertama yang melaksanakan occupational, safety, health and environment.

Timbalan Setiausaha MBPJ merangkap Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan TPr. Puan Sharipah Marhaini Syed Ali telah hadir mewakili Datuk Bandar bagi menerima anugerah tersebut.



## PETALING JAYA BOOK EXPO 2019



PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN  
abdul.hakim@mbpj.gov.my

**K**ELANA JAYA, 4 OGOS - Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) buat julung kalinya menganjurkan Ekspo Buku Petaling Jaya 2019 atau dikenali sebagai Petaling Jaya Book Expo (PJBX) 2019.

Expo berkenaan telah berlangsung selama 6 hari bermula 30 Julai hingga 4 Ogos 2019 bertempat di Dewan D'Kelana, Kompleks Sukan Kelana Jaya. Penganjuran PJBX ini bertujuan untuk menarik minat serta menyemai dan memupuk budaya membaca di kalangan penduduk Petaling Jaya.

Selain itu, penganjuran PJBX 2019 turut dipenuhi pengisian acara dan aktiviti-aktiviti menarik buat kanak-kanak, murid-murid sekolah, para pelajar universiti, golongan dewasa serta warga emas melalui persembahan dialog, perbincangan, aktiviti pembelajaran dan sebagainya yang dijalankan di pentas utama serta sekitar lokasi.



**Komik, novel, buku umum  
buku-buku rujukan peperiksaan  
dan pelbagai buku menarik**

**Didi & Friends  
30 Julai 2019**

**Omar & Hana  
4 Ogos 2019**

**AKAN BERADA  
DI SINI**

**Tawaran harga hebat daripada  
penerbit-penerbit terkemuka  
Malaysia hingga 80%!**

**Raikan Petaling Jaya yang  
telah dianugerahkan Anugerah  
Bandar Pembelajaran UNESCO 2019**

**MABOPA**  
Malaysian Book  
Publishers Association

[www.pjbx.my](http://www.pjbx.my)



## CEGAH PENDERERAAN SEKSUAL KANAK-KANAK

**UPTOWN DAMANSARA, 13 JULAI 2019** - Ahli Majlis Zon 5, Cik Quratulain Atiqah Norzahirul Anuar dan Pusat Wanita Berdaya DUN Bandar Utama telah menganjurkan bengkel fasilitator pencegahan penderaan seksual kanak-kanak untuk memberi pendedahan kepada ibu bapa dan guru cara menangani kes penderaan seksual kanak-kanak.



## PROGRAM PENCEGAHAN JENAYAH RAGUT

**PJ OLDTOWN, 18 OGOS 2019** - Ahli Majlis Zon 16, En. Terence Tan Teck Seng dan MPP Zon 16 mengambil inisiatif memasang gegantung pencegahan jenayah ragut untuk memberi peringatan kepada penduduk Petaling Jaya khasnya penduduk PJ Oldtown. Turut berada di lokasi Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing, YB Tuan Rajiv Rishyakaran.



## IBADAH KORBAN 1440H

**TAMAN DATO' HARUN, 11 OGOS 2019** - Sambutan Hari Raya Aidiladha di zon 18 telah dimeriahkan dengan ibadah korban yang dilaksanakan penduduk. Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan turut serta menunaikan ibadah korban ini serta meraikan jemputan penduduk untuk bersama-sama merasai kemeriahan sambutan hari raya.



## KEMPEN KESEDARAN KESIHATAN WANITA

**SS7, 10 OGOS 2019** - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar bersama Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam telah menganjurkan kempen kesedaran kesihatan wanita yang berlangsung di dewan serbaguna SS7/28. Antara aktiviti yang berlangsung ialah pemeriksaan kesihatan, pemeriksaan mata dan acara kraftangan utk kanak-kanak.



## MASALAH KACAU GANGGU SS4D

**SS4, 29 JULAI 2019** – Masalah yang dihadapi penduduk di SS4D telah menarik perhatian Ahli Majlis Zon 7, En. Leong Chee Cheng untuk mengadakan perbincangan bersama-sama KRT SS4D bagi menangani isu kacau ganggu di padang permainan SS4D, bunyi bising daripada Lebuhraya Damansara Puchong dan stesen LRT berdekatan.



## KIBARAN SEMANGAT HARI KEBANGSAAN

Majlis Perwakilan Penduduk Zon 16 telah mengedarkan bendera Jalur Gemilang kepada peniaga dan penduduk sekitar Seksyen 1 dan Seksyen 18. ia bagi menyemarakkan sambutan bulan kebangsaan dan kempen kibar Jalur Gemilang 2019.



## SEDAR WALK ZON 19

**SEAPARK, 27 JULAI 2019** - Ekoran peningkatan wabak denggi di sekitar kawasan Seapark Ahli Majlis Zon 19, En. Farhan Haziq Mohamed dan pasukan SEDAR Seksyen 21, Seapark telah mengadakan pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk memeriksa tempat pembiakan nyamuk aedes. Hasil pemeriksaan sebanyak 10 tempat pembiakan nyamuk aedes ditemui di dalam rumah.



## KEM JEJAK KE MENARA GADING

**BANGI, 28 JULAI 2019** - Seramai 200 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Dato' Harun telah menyertai kem jejak ke menara gading yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Ia sebagai motivasi dan untuk memupuk semangat cintakan ilmu dalam kalangan pelajar.

# ACTION SONG 2019

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF

azmiyusoff@mbpj.gov.my

JALAN YONG SHOOK LIN, 7 OGOS – Majlis telah menganjurkan pertandingan action song bertempat di Auditorium Dewan Sivik MBPJ. Pertandingan ini telah disertai 13 buah sekolah rendah sekitar negeri Selangor iaitu:

1. SK Sri Petaling
2. SK Assunta 1
3. SK La Salle
4. SK Damansara Damai 2
5. SK Assunta 2
6. SK Subang Jaya
7. SK Taman Megah
8. SK Sri Andalas
9. SK Cyberjaya
10. SK Taman Medan
11. SK Seksyen 19, Shah Alam
12. SK Seksyen 20, Shah Alam
13. SK Seri Selangor



SK Cyberjaya telah dinobatkan sebagai juara pertandingan bagi edisi tahun ini. Manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh SK Subang Jaya dan SK Seksyen 20 Shah Alam.

# PERTANDINGAN AKHIR NAFEST 2019



PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR

hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

SEKSYEN 52, 17 OGOS – Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Festival Nasyid PJ 2019 (NAFEST PJ 2019) bagi mencungkil bakat kumpulan nasyid amatur serta melahirkan semangat kecintaan kepada irama nasyid dalam kalangan peserta.

Penganjuran festival nasyid berbentuk pertandingan ini merupakan kali kedua dianjurkan selepas kali pertama menganjurkannya pada Ogos 2018.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Exco Jawatankuasa Tetap Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan YB Datuk Abdul Rashid Asari. Turut hadir sama, Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Johary Anuar, Timbalan Datuk Bandar dan pegawai-pegawai kanan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



# MBPJ ANJUR GELANGGANG TEATER II

## Kota Seni PJ 2019

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYA HIR  
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

**S**ebagai usaha untuk memartabatkan Petaling Jaya sebagai pusat kegiatan aktiviti teater di Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sekali lagi menganjurkan Gelanggang Teater II Kota Seni PJ 2019 yang akan berlangsung selama lima hari bermula 21 hingga 25 Ogos 2019 bertempat di Auditorium Dewan Sivik MBPJ.

Penganjuran teater berkoncep pertandingan ini merupakan kali kedua dianjurkan selepas penganjuran pada tahun 2018 mendapat sambutan yang menggalakkan oleh peminat teater. Penganjuran pertandingan bertujuan untuk mengimarahkan seni teater ke arah impak positif sebagai hala tuju Petaling Jaya sebagai kota seni di Negeri Selangor. Majlis yakin penglibatan penggiat teater di Negeri Selangor mampu bergerak ke peringkat yang lebih tinggi dan mencapai tahap peringkat antarabangsa serta mampu menarik peminat seni teater dari dalam dan luar negara.

Penganjuran gelanggang teater ini sekali lagi mendapat kerjasama daripada pihak Majlis Teater Selangor (MTS). Kerjasama buat kali kedua ini dilihat mampu meneruskan perkembangan kumpulan atau persatuan penggiat seni teater berdaftar di Negeri Selangor terus berkembang maju di disamping penyediaan kemudahan pementasan terbaik dan seterusnya merealisasikan matlamat menjadikan bandar raya ini dikenali sebagai Kota Seni.

Johan pertandingan akan membawa pulang (RM 5,000.00 dan Insentif Pengarahan Terbaik berjumlah RM 1,000.00). Manakala Naib Johan (RM 3,000.00), Kategori kumpulan harapan (RM 2,000.00), Anugerah Khas Juri - Karya Pilihan (RM 1000.00), Anugerah Teknik/Scenografi Terbaik (RM 1000.00), saguhati (RM 500.00), Anugerah pelakon lelaki terbaik (RM 300) dan Anugerah pelakon wanita terbaik (RM 300) dan Anugerah Pelakon Harapan (RM 200.00). Setiap pemenang dan penerima anugerah akan menerima piala iringan, cenderamata dan sijil penyertaan.

Panel juri yang akan mengadili Gelanggang Teater II Kota Seni PJ 2019 ialah Dr. Norzizi Zulkifli (Ketua Pusat Pengajian Teater Fakulti Filem, Teater dan Animasi UiTM), Encik Azizul Zahid Jamal (Dekan Fakulti Teater ASWARA) dan Encik Shahili Abdan atau dikenali sebagai Nam Ron merupakan Pengarah, pelakon dan penggiat seni teater yang berpengalaman luas.



Sebanyak lapan (8) kumpulan teater akan menyertai pertandingan teater pada tahun ini:

Bil.	Kumpulan
1	<b>Pertubuhan Seni Laskar Lantera (LASKAR LANTERA)</b> Tajuk: FIRASAT Karya / Pengarah: SHASHA MASELLA
2	<b>Persatuan Unit Tindakan Eksklusif Teater (UNTEATER)</b> Tajuk: KHILAF KIFARAH Karya / Pengarah: MARDAU
3	<b>Persatuan Penulis Dan Kebajikan Negeri Selangor (KEMUDI)</b> Tajuk: SIAPA TUTUP LAMPU Karya / Pengarah: KHAIRUL AZHAR ABDUL JALIL
4	<b>Persatuan Kebudayaan Suara Alam (SUARA ALAM)</b> Tajuk: TANGGA Karya / Pengarah: SUARA ALAM / M ROSSLIE
5	<b>Persatuan Bangsawan Bintang Timur (Bintang Timur)</b> Tajuk: RENCHONG ACHEH Karya / Pengarah: HUSSEIN SALAM
6	<b>Persatuan Seni Silat Panji Ria Malaysia (PANJI RIA)</b> Tajuk: BAHTERA JANNAH Karya / Pengarah: SHAHRUL TITIS
7	<b>Kelab Seni Seri Kenchana (KSSK)</b> Tajuk: TARIK DIRI Karya / Pengarah: MIOR SHAHRUL NIZAL
8	<b>Persatuan Titian Teater Ilham Seni (TITIS)</b> Tajuk: JEMBALANG TANAH Karya / Pengarah: SAMSUDIN MAT





# BERITA PETALING JAYA



Misi Perkhidmatan Pelanggan  
**Mesra, Cepat & Tepat**

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



smartpj

BIL. 8/2019 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ : 03-7958 2695 ☎ : media@mbpj.gov.my PERCUMA

## MBPJ, KONTINJEN PASUKAN DAERAH PETALING JUARA SUKANUN DAN SUKSES 2019

PETALING JAYA

MOHAMAD SHAH BADLISHAH

mohammadshah@mbpj.gov.my



**SEKSYEN 52, 19 OGOS** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melakar sejarah apabila dinobatkan sebagai juara keseluruhan bagi karnival Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) yang berlangsung pada 19 Julai hingga 26 Julai 2019. Majlis telah berjaya merangkul lima pingat emas bagi acara tenis, dart, boling wanita, futsal wanita dan sepak takraw. Pada masa yang sama, Majlis turut meraih tiga pingat perak dalam acara boling lelaki, badminton dan bola jaring.

Manakala pasukan Daerah Petaling sekali lagi menjadi juara berturut-turut dalam kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) 2019 ke-13 yang diadakan pada 22 Julai hingga 10 Ogos 2019 dengan merangkul 21 emas, 15 perak dan 25 gangsa. Sehubungan itu, bagi menghargai kecemerlangan atlet-atlet yang bertanding di SUKANUN dan SUKSES, MBPJ telah memberikan insentif khas kepada mereka dalam satu majlis anugerah kecemerlangan SUKANUN dan SUKSES yang diadakan pada 19 Ogos 2019 bertempat di Dewan Sivik MBPJ.

Insentif tersebut disampaikan oleh Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Turut hadir Johary Anuar, Timbalan Datuk Bandar, Mohamad Nizam Marjugi, Timbalan Pengarah (Pembangunan Sukan) Majlis Sukan Negeri Selangor dan Mohamad Razmi Mat Sehat, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat MPSJ.